



Research **NEWS**

2/2024

Office of Deputy Vice-Chancellor
(Research & Innovation)
Universiti Teknologi MARA



Penampilan klasik

1 Dalam lingkungan yang konservatif, lelaki seharusnya berpakai mengikut gaya klasik dan rasmii (formal) iaitu pemilihan warna untuk business suit yang lebih tertutup pada rona hitam dan kelabu (grey).

Apatah lagi pilih blazer atau jaket yang menggunakan fabrik nipis dan ringan (medium - lightweight fabric) seperti cotton.

Jaket ini lazimnya didatangkan dalam warna biru kelasi (navy) dan warna cerah.

Dari segi rekaan, ia biasanya *unstructured*, ataupun tidak kelihatan kaku. Jaket ini tiada fabrik pelapis (*lining-free*) dan direka supaya kelihatan sedikit renyuk. Ia paling menarik dipadankan dengan chinos dan jeans. Dapatkan juga seluar khakis yang banyak di pasaran. Ia cukup *stylish* dan boleh dipadankan dengan apa sahaja.

Tali leher

2 Antara gaya menarik ialah dapatkan *slim-cut* cotton suit dan padankan dengan kemaja (dress shirt) reka corak kotak-kotak (*checked*) atau jalur (*striped*). Pilih tali leher warna semada (*solid colour*) ataupun reka corak ringkas (*simple-patterned*) yang ada kesinambungan dengan warna yang mendominasi kemaja anda.

Jika memakai kemaja bercorak, pastikan yang padanan seluar, aksesori dan rambut anda, kesemuanya adalah dalam gaya konservatif. Namun begitu, pilihlah tali leher perlu mempunyai reka corak bagi melengkapkan gaya keseluruhan. Antara cara untuk mengetahui sama ada tali leher yang dibeli telah dipotong dengan baik adalah dengan memegang tinggi hujung tali leher yang paling tirus dan selebihnya dibarkan jatuh ke bawah. Jika tali leher tidak berpintal (*twist*), itu bermakna ia telah dinggotong dengan baik.



KETERAMPILAN eksekutif juga boleh diterjemahkan dengan pakaiannya bereka corak.

Keterampilan gaya eksekutif lelaki

POTONGAN
tali leher yang tepat membuatkan penampilan lebih menarik.

BAGI eksekutif lelaki, antara panduan untuk kelihatan hebat pada hari-hari penting adalah dengan membuat sedikit perubahan pada penampilan anda. Pakailah sesuatu yang seluruhnya anda tidak biasa pakai. Contohnya, tali pinggang atau stoking baharu, mungkin juga cincin baharu.

Bagi yang berkemampuan dapatkanlah rawatan urutan wajah (*facial massage*) agar sedikit sebanyak dapat menenangkan dan mengurangkan tekanan serta melambatkan proses penuaan pada wajah (akibat daripada dunia yang berlari pantas).

Perasaan tenang dapat memberikan kita keyakinan, yang sebenarnya adalah *the real secret to attraction*. Gaya keterampilan eksekutif lelaki kontemporer bukan lagi hanya sesuai untuk kemeja putih polos. Label ternama seperti Burberry, Ralph Lauren dan Tommy Hilfiger mengorak langkah menghasilkan rekaan kemeja formal (*dress shirt*) dalam reka corak grafik dan geometri yang begitu menyerlah, lengkap dengan padanan tali leher dalam reka corak yang sama.



AKSESORI
yang tidak terlalu sarat sesuai untuk digayakan.

FAIZAL HAMID ialah Pensyarah Kanan Jabatan Fesyen, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor

Pilihan kasut dan stoking

Lelaki biasanya kurang berikan penumpuan pada kasut mereka. Kasut sepatutnya dijaga dengan rapi sentiasa. Penggunaan tapak kasut yang rosak dan tall kasut yang terlalu uzur keadaannya adalah dilarang sama sekali.

Dapat juga pilih kasut sniker warna putih yang ringkas. Ia cukup in-style dan boleh odd kick to your look! Paling penting, anda perlu bijak dan berani bereksperimentasi.

Anda juga harus sentiasa memilih untuk memakai stoking yang panjang (*long socks*), berbanding dengan potongan yang pendek.

Ini adalah kerana untuk mengelakkannya daripada bulu kaki anda terlihat pada pandangan orang lain.

4 Akesoris tambahan

Lelaki perlu mengelakkan pemakaian aksesori yang pelik (*unusual accessories*) dan agak berat (*heavy jewelry*) serta keterlaluan daripada dipakai ke pejabat. Ia hanya sesuai digayakan selepas waktu bekerja.

Pilihlah cuff links yang tidak begitu menonjol rekaannya (*discreet*) dan tali pinggang yang sepadan (*match well*) dengan suit dan tali leher. Jam tangan (rekaan yang konservatif) dan cincin perkahwinan adalah antara aksesori yang pelengkap yang boleh dipakai.

Selain itu, lelaki juga boleh dapatkan beg tote yang dibuat daripada kanvas dalam warna yang terang seperti hijau (*kelly green*) ataupun biru langit (*azure*). Beg ini cukup tanah lasak dan boleh diisi dengan pelbagai keperluan termasuklah mungkin kasut sniker (*sneakers*) ataupun komputer riba anda.

Keterampilan Gaya Eksekutif Lelaki

4 June 2024 | Kosmo